

## Sejarah Perkembangan Sektor Penanaman Padi di Perlis, 1930-1950: Perbandingan antara Era Penjajahan British dengan Era Pendudukan Jepun

A History of the Development of the Rice Cultivation Sector in Perlis, 1930-1950: A Comparison between the Era of British Colonisation and the Japanese Occupation

WAN NURJANATUL ZA'IMAH WAN MOHAMAD KHAIRUDDIN AZAKI & NORASMAHANI HUSSAIN

### *ABSTRAK*

*Kajian ini meneliti sejarah perkembangan sektor penanaman padi di Perlis antara tahun 1930 hingga 1950 yang merangkumi era penjajahan British (1930-1941), era pendudukan Jepun (1941-1945) dan era pasca-pendudukan Jepun (1945-1950). Di bawah pentadbiran dua kuasa asing ini, sektor penanaman padi di Perlis telah berkembang ke arah pemodenan ekoran kedua-dua kuasa tersebut masing-masing memperkenalkan penggunaan teknologi baharu dalam sektor pertanian padi. Kajian terdahulu tentang Perlis lebih banyak memfokuskan isu sejarah pembentukan Perlis sebagai sebuah negeri dan sejarah warisan negeri Perlis berbanding isu ekonomi. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah berbentuk kualitatif iaitu meneliti dan menganalisis sumber-sumber primer yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah-Perlis, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur; Koleksi Malaysiana dan Arkib Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia. Kajian yang mendalam terhadap sumber primer seperti The Annual Report of the British Adviser to the Perlis Government 1920, The Annual Report of the State Agricultural Officer, Kedah and Perlis (from 1st April to 31st Dec 1946), dan Perlis Annual Report 1935-1936, 1937, 1938 dan 1939 telah mendapati bahawa sektor penanaman padi di Perlis berkembang secara progresif semasa pentadbiran British dan berlaku kemerosotan dalam era pendudukan Jepun. Walaupun Jepun ada juga memperkenalkan teknologi baharu dalam penanaman padi, namun dasar Jepun seperti amalan ekonomi monopolji, dasar Berdikari dan sistem permit yang lebih ketat berbanding British menjadi antara faktor penyumbang kepada kemerosotan hasil pengeluaran padi di Perlis. Walaupun British kemudiannya telah kembali ke Perlis selepas pengunduran Jepun, masalah yang dinyatakan tidak dapat diatasi segera oleh British dan masih berlarutan dalam tahun-tahun awal era pasca-pendudukan Jepun di Perlis.*

*Kata kunci:* Perlis; British; Jepun; penanaman padi; ekonomi monopolji

### *ABSTRACT*

*This study examines the history of the development of the rice cultivation sector in Perlis between 1930 to 1950 which includes the British colonial era (1930-1941), the Japanese occupation era (1941-1945) and the post-Japanese occupation era (1945-1950). Under the administration of these two foreign powers, the rice cultivation sector in Perlis has undergone changes towards modernisation as a result of the two powers respectively introducing the use of new technology in the rice cultivation sector. Previous studies about Perlis focused more on the historical issues regarding the creation of Perlis as a state and the history of the heritage of the State of Perlis than on economic issues. This study adopted a qualitative historical research method that examines and analyses the primary sources and materials retrieved from the National Archives of Malaysia Kedah-Perlis Branch, National Archives of Malaysia Kuala Lumpur; Malaysiana Collection and Hamzah Sendut Library Archives of Universiti Sains Malaysia. An in-depth examination of primary sources such as The Annual Report of the British Adviser to the Perlis Government 1920, The Annual Report of the State Agricultural Officer, Kedah and Perlis (from 1st April to 31st Dec 1946), and Perlis Annual Report 1935-1936, 1937, 1938 and 1939 has found that the rice cultivation sector in Perlis developed progressively during the British administration and declined during the Japanese occupation era. Although Japan had also introduced new technology in rice cultivation, the Japanese policies such as monopolistic economic practice, the Berdikari policy and a stricter permit system compared to the British are among the contributing factors to the decline of rice production in Perlis. Although the British later returned to Perlis after the withdrawal of the Japanese, the problems could not be overcome immediately by the British and still lingered in the early years of the post-Japanese occupation era in Perlis.*

*Keywords:* Perlis; British; Japan; rice cultivation; monopolistic economic

## PENGENALAN

Negeri Perlis ialah sebuah negeri yang terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu. Dari aspek geografi, Perlis mempunyai lembah yang subur dan sistem pengairannya baik, lalu menjadikan negeri ini sangat sesuai untuk kegiatan bercucuk tanam (Adi Haji Taha 1990). Maka tidak hairanlah kegiatan penanaman padi merupakan salah satu sektor ekonomi utama yang diusahakan oleh masyarakat tempatan di Perlis. Sejarah awal penanaman padi di Perlis dapat dilihat melalui penemuan arkeologi di kawasan-kawasan berhampiran dengan pantai di negeri Perlis sejak kurun pertama lagi seperti petak-petak bendang yang menunjukkan perlakunya kegiatan penanaman padi di negeri ini (Ab. Latif Ibrahim 1991). Perkara ini bermaksud kegiatan penanaman padi sudah lama berakar umbi dalam kalangan penduduk di Perlis akibat bentuk muka bumi Perlis yang terdiri daripada kawasan tanah pamah dan berbukit-bukau adalah sangat sesuai untuk penanaman padi (Adi Haji Taha 1990).

Penanaman padi yang telah diusahakan oleh masyarakat Melayu di Perlis sejak sekian lama itu iaitu sebelum kemasukan kuasa asing adalah bersifat ekonomi tradisional atau juga dikenali sebagai pertanian sara diri yang semata-mata untuk memenuhi keperluan keperluan hidup sehari-hari (Ruslan Zainuddin 2003). Para pesawah padi di Perlis pada waktu itu sangat mempercayai adat-adat dan pantang-larang yang sentiasa dipraktikkan semasa musim persawahan dan menjadi sebahagian daripada norma kehidupan mereka. Maka atas sebab itulah amalan-amalan tradisi yang melibatkan adat persawahan padi seperti jangkaan permulaan musim penanaman padi, peralatan yang digunakan, peraturan-peraturan dan pantang larang semasa mengerjakan sawah adalah sangat menebal dalam kalangan penduduk yang mengusahakan penanaman padi kerana padi adalah merupakan sumber rezeki utama mereka (Rejab F.I. 1992). Misalnya pantang larang dalam memilih benih padi, para pesawah menentukan pemilihan benih padi adalah dengan mengambil kira '*bintang ketika*' atau mengikut pegangan sendiri (Rusaidi Ramli t.t.). Penentuan melalui '*bintang ketika*' dibuat melalui pemerhatian ketika tibanya bintang tersebut pada bulan Ogos. Sekiranya didapati bahagian kepala bintang itu bercahaya, maka beras putih adalah seelok-eloknya ditanam untuk musim tersebut berbanding beras perang (Rusaidi Ramli t.t.).

Kegiatan penanaman padi di negeri Perlis secara tradisional mula berubah menjadi ekonomi komersial apabila British mengambil alih pentadbiran negeri Perlis mulai 1909. Walaupun begitu, tempoh kajian ini dimulakan pada tahun 1930. Hal ini demikian kerana Raja Perlis iaitu Raja Syed Alwi enggan mengiktiraf Perjanjian Bangkok 1909 yang mengesahkan pemisahan empat negeri Melayu di bahagian Utara Semenanjung (termasuk Perlis) daripada penguasaan Siam dan keempat-empat negeri tersebut diletakkan di bawah kuasa British (J. Chandran 1971). Maka British pada waktu tersebut hanya merupakan pentadbir *de facto* di Perlis yang mengambil alih perancangan dan pelaksanaan ekonomi negeri (Ahmad Ismail dan Yazid Mat 1992). Hanya selepas British berjaya membuktikan kemampuan dalam menguruskan hal pentadbiran ekonomi negeri Perlis, maka akhirnya Raja Syed Alwi secara rasminya mengakui kehadiran British di Perlis dengan penerimaan Meadows Frost sebagai Penasihat British pertama di Perlis mulai 1930 (Ahmad Ismail dan Yazid Mat 1992; Syed Mohd Hilmi 2017). Di bawah pentadbiran British, kegiatan penanaman padi yang dahulunya hanya untuk cukup makan sahaja telah diubah menjadi ekonomi komersial bagi membolehkan hasil beras Perlis didagangkan ke negeri-negeri di Tanah Melayu yang lain (Julie Tang Su Chin 2002). Perubahan ini menggalakkan lebih ramai masyarakat tempatan di Perlis untuk terlibat dalam kegiatan penanaman padi (Julie Tang Su Chin 2002). Perkembangan pesat ini telah menjadikan Perlis sebagai salah sebuah negeri pengeluar beras utama dari bahagian utara Tanah Melayu pada waktu itu (Syed Mohd Hilmi 2017).

Peristiwa pendudukan Jepun merupakan salah satu lakaran sejarah yang penting dalam lipatan sejarah Tanah Melayu kerana telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam terhadap sektor ekonomi, politik maupun sosial dan tidak terkecuali bagi negeri Perlis. Pendudukan Jepun di negeri Perlis bermula pada 12 Disember 1941 apabila British tidak berjaya menyekat kemasukan pasukan tentera pejalan kaki Jepun yang diketuai oleh Kapten E. Hirota daripada memasuki Perlis dari Padang Besar. Ekoran pengunduran British dari Perlis, maka Perlis secara tidak langsung diserahkan kepada tentera Jepun dan pendudukan ini berlangsung selama lebih kurang tiga tahun lapan bulan (Yazid Mat 2014). Pendudukan tentera Jepun di negeri Perlis telah mengubah corak pemerintahan yang dijalankan oleh pihak British sebelumnya iaitu apabila tentera Jepun telah mula mengambil alih pemerintahan

negeri Perlis dengan mengarahkan Tuan Syed Hamzah menggantikan peranan Raja Syed Alwi sebagai Raja Perlis kerana pada waktu itu Raja Syed Alwi berada di luar negeri (Ahmad Ismail dan Yazid Mat 1992). Perkara ini direkodkan dalam rekod pentadbiran negeri Perlis pada zaman Jepun itu seperti berikut: “*Proclamation of Tuan Syed Hamzah as head of Goverment by Japanese Army Commander read out to public at the main entrance of Goverment Offices*” (R. C. PS. 363/47).

Jepun mengamalkan corak pemerintahan secara ketenteraan (*military administration*) yang meletakkan segala aspek pemerintahan di bawah kawalan tentera Jepun. Bentuk pentadbiran yang bersifat keras ini secara tidak langsung telah merencatkan sektor penanaman padi di Perlis. Perkara ini dapat dilihat melalui kemerosotan jumlah pengeluaran padi berikutan ‘Dasar Bumi Hangus’ yang dilancarkan oleh British (Ooi Keat Gin 2012). Tujuan British memusnahkan kawasan pertanian sebelum berundur keluar dari Perlis adalah untuk mengelakkan Jepun daripada mendapat manfaat daripada sektor ekonomi pertanian di Perlis. Sehubungan itu, kawasan penggunaan tanah untuk penanaman padi telah berkurangan iaitu daripada 270,000 hektar pada tahun 1940 hingga tahun 1941 berkurang kepada 214,000 hektar pada tahun 1944 hingga tahun 1945 (*The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis (from 1st April to 31st Dec 1946)*). Dalam buku ‘*The Census of British Malaya (the Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, and Brunei), 1921*’ oleh J.E. Nathan (1922), telah dicatatkan dalam tahun 1921 bahawa sebanyak 58.4% penduduk di Perlis iaitu bersamaan 23,415 orang terlibat dalam kegiatan penanaman padi di negeri itu. Perkara ini menunjukkan bahawa sebelum kedatangan Jepun, hampir separuh daripada populasi penduduk di negeri Perlis terlibat dalam kegiatan penanaman padi ekoran amalan penanaman padi secara komersial yang digalakkkan oleh British. Perkara ini menunjukkan bahawa kemerosotan pada era pendudukan Jepun itu adalah berkait rapat dengan dasar ekonomi Jepun yang bersifat monopoli dan tertutup (Kratoska 2000).

Pendudukan Jepun di Perlis tamat berikutan kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Jepun berundur keluar dari Tanah Melayu pada 13 September 1945 iaitu selepas upacara penyerahan kuasa tanpa syarat oleh tentera Jepun kepada tentera British yang diadakan di Sekolah Victoria

(*Victoria Institution*) Kuala Lumpur (Mohd Radzi Abd Hamid 2009). Sehubungan itu, British telah kembali ke Tanah Melayu dan mengambil alih hal ehwal pentadbiran negeri Perlis semula. Walaupun British pernah memodenkan dan memajukan sektor penanaman padi di Perlis sebelum ini, namun masalah kemerosotan hasil pengeluaran padi di Perlis bukanlah satu perkara yang mudah untuk diselesaikan dalam tempoh yang singkat dan dilihat masih berlanjutan dalam beberapa tahun selepas penduduran Jepun.

Menurut Yazid Mat (1991), Khoo Kay Kim pernah berkata bahawa sejarah negeri Perlis perlu ditulis lagi terutamanya mengenai isu-isu sosioekonomi. Malah, kajian mengenai perbezaan perkembangan sektor penanaman padi di Perlis antara zaman British dengan zaman Jepun juga masih kurang dilakukan. Misalnya R.D. Hill (2012), Hayao Fukui Yoshikazu dan Yamada Isamu (1971) dan Mohd Azlan Abdullah et al. (2009) masing-masing ada menyentuh dan membincangkan mengenai perkembangan penanaman padi di Perlis pada era pemerintahan British yang membawa kepada pembangunan sektor pertanian tersebut serta kesan terhadap aspek sosioekonomi negeri Perlis secara amnya dan kesan terhadap sosioekonomi penduduk secara khususnya yang merujuk kepada golongan petani atau pesawah Melayu. Namun kesemua penulis ini tidak membincangkan mengenai perkembangan penanaman padi pada era pendudukan Jepun yang sebenarnya turut mendatangkan kesan positif dan juga negatif kepada sektor ekonomi penanaman padi di Perlis.

Manakala Ong Siow Ling (1988) dan Khairool Anuar Haji Hashim (2014) pula masing-masing memfokuskan perbincangan mengenai sektor penanaman padi di Malaysia dalam era pasca-kemerdekaan Tanah Melayu. Ong Siow Ling (1988) misalnya memfokuskan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pesawah padi di Semenanjung Malaysia tanpa memberi tumpuan khusus kepada Perlis pada era selepas kemerdekaan dan bagaimana isu ini mempengaruhi kadar pengeluaran padi di Semenanjung Malaysia. Manakala Khairool Anuar Haji Hashim (2014) pula hanya membincangkan mengenai Projek Pertanian Bersepadu (IADP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia di Perlis pada pertengahan kurun ke-20 yang telah menyumbang kepada pembangunan penanaman padi yang lebih dinamik dan progresif di Perlis. Kedua-dua penulis ini secara jelas tidak membincangkan mengenai kegiatan penanaman padi di Perlis pada era sebelum

merdeka khususnya zaman pentadbiran dua kuasa asing iaitu British dan kemudiannya Jepun.


Ringkasnya, kajian-kajian terdahulu lebih banyak memfokuskan mengenai perkembangan penanaman padi di Perlis sama ada dalam era pentadbiran British ataupun dalam era pasca-kemerdekaan Tanah Melayu. Sehingga kini masih belum ada kajian yang menyentuh kegiatan penanaman padi di Perlis semasa era pentadbiran British dan era pendudukan Jepun secara serentak. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk mengetengahkan kajian mengenai perkembangan penanaman padi di Perlis dengan membandingkan antara dua era pentadbiran kuasa asing tersebut iaitu pentadbiran British (1930-1941) dengan pentadbiran Jepun (1941-1945) yang masing-masing mempunyai corak pentadbiran yang tersendiri lalu memberikan impak yang berbeza juga kepada sektor penanaman padi di Perlis. Malah kajian ini turut membincangkan kesan pendudukan Jepun terhadap sektor Pertanian di Perlis dalam tempoh lima tahun era pasca-pendudukan Jepun di Perlis (1945-1950). Walau dalam tempoh tersebut pentadbiran negeri Perlis kembali ke tangan British, namun usaha pemulihan sektor penanaman padi adalah masih sukar. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa impak pendudukan Jepun di Perlis adalah sangat besar kerana kemerosotan sektor penanaman padi di Perlis masih berlanjutan dalam tempoh tersebut.

#### KEGIATAN PENANAMAN PADI DI PERLIS SEMASA PENTADBIRAN KERAJAAN KOLONIAL BRITISH, 1930-1941

Sejak British campur tangan secara rasmi dalam pentadbiran Negeri Perlis mulai 1930, British mula giat menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan merombak sistem amalan pertanian lama yang dipraktikkan sebelum itu iaitu sistem tradisional yang hanya diusahakan dalam skala secara kecil yang sekadar untuk menampung kelangsungan kehidupan keluarga sendiri, dan juga diberikan kepada pihak pembesar sebagai tanda penghormatan atau jaminan keselamatan terhadap keluarga mereka daripada pihak pemerintah pada masa tersebut iaitu Raja Perlis (Syed Mohd Hilmi 2017). Bagi memodenkan sektor penanaman padi ke arah sistem ekonomi komersial, kerajaan kolonial


British telah membahagikan kawasan penanaman padi di Perlis kepada tiga daerah bagi memudahkan pengecaman kawasan yang subur dan berpotensi untuk dijalankan sebagai kawasan pertanian (*Adviser Perlis No. 121-1349, 1930*). Tiga pecahan kawasan tersebut merangkumi kawasan Barat, kawasan Timur dan kawasan Selatan mengikut mukim-mukim sempadannya. Kawasan-kawasan ini dilihat berpotensi untuk dikembangkan sebagai hub pertanian ekoran bentuk geografinya yang bertanah pamah dan subur adalah sesuai untuk penanaman padi (*Adviser Perlis No. 121-1349, 1930*). Bahagian utara Perlis seperti Padang Besar Utara dan Chuping Selatan adalah kurang sesuai untuk penanaman padi kerana bentuk muka buminya yang berbukit dan bertanah leistik adalah lebih sesuai untuk tanaman getah dan tebu (*Perlis Annual Report 1936*; Syed Mohd Hilmi 2017).

Seiring dengan fokus utama British untuk memajukan sektor pertanian bagi memangkin ekonomi Perlis, maka British menyusun semula bentuk pentadbiran pengurusan sistem penanaman padi yang lebih tersusun dan berobjektif. Seperti yang direkodkan dalam sumber British: “*As Simpang Ampat is a focal point in a large padi area with a population of over 15,000 people, there is need for an orderly development of this village*” (D&IE. Ps. 32/52a). Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa British berpendapat kawasan yang penting untuk kegiatan penanaman padi perlu dibangunkan dengan sewajarnya agak matlamat untuk mengkomersialkan sektor ini dapat dicapai supaya hasil pertanian padi dapat didagangkan ke negeri-negeri lain. Sehubungan itu, antara langkah pembangunan yang diambil adalah dengan mewujudkan sistem pengairan yang baharu. Pengenalan sistem pengairan yang lebih tersusun adalah untuk memudahkan dan memaksimumkan hasil penanaman padi. Justeru, British telah memperkenalkan *New Irrigation Dam* iaitu pembinaan empangan pengairan baharu yang dikenali sebagai Belat di sungai-sungai bagi memudahkan proses penyaluran air ke petak-petak sawah yang sebelumnya hanya bergantung kepada sumber semula jadi iaitu air hujan (*Perlis Annual Report 1935-1936*). Belat adalah merupakan panggilan kepada empangan kecil atau tempat tадahan air di sungai untuk kegunaan penanaman padi di Perlis.



New Irrigation Dam—Sungei Beseri.

GAMBAR 1. Empangan-empangan kecil atau Belat baharu di Sungai Beseri  
Sumber: Perlis Annual Report 1938



New Irrigation Dam—Guar To' Musang.

GAMBAR 2. Empangan-empangan kecil atau Belat baharu di Guar To' Musang  
Sumber: Perlis Annual Report 1938

Pembangunan sistem pengairan yang lebih bersistematis bukan sahaja memberi manfaat kepada kegiatan penanaman padi semata-mata. Sistem ini secara tidak langsung meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat kerana mendapat bekalan air yang bersih dan terawat (*Perlis Annual Report 1938*). Perkara ini direkodkan seperti berikut:

*In dry months this supply requires to be augmented by a pumping and filtration plant at Repoh 2 miles from Kangar where water is pumped from Sungai Jerneh, being chemically treated to make it suitable for drinking purposes (Perlis Annual Report 1938).*

Menurut Mohd Firdaus Abdullah et al. (2023), British merasakan adalah penting untuk membangunkan sistem bekalan air untuk rakyat Perlis kerana penyediaan bekalan air adalah bertujuan untuk menjaga kebijakan penduduk yang terlibat dengan penanaman padi. Bagi tujuan keselamatan, bekalan air yang berkualiti dan bersih telah disediakan untuk kegunaan penduduk. Sekiranya tiada air bersih, penduduk akan dijangkiti penyakit lalu akan menjadikan kesihatan mereka untuk bekerja. Malah air yang digunakan untuk pengairan juga digunakan untuk tujuan domestik seperti memasak, minum, mandi dan lain-lain.

Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa melalui air, British berjaya menguasai penduduk tempatan dengan mudah iaitu dengan menjadikan mereka hamba kepada ekonomi tanaman padi berbentuk komersial. Selain itu, British tidak hanya membina sistem empangan air baharu bahkan turut membina sistem terusan di wilayah Selatan Perlis yang merangkumi kawasan Simpang Ampat bagi memperbaiki keadaan tanah bendang di kawasan berkenaan yang menjadi salah satu kawasan pengeluaran padi penting di negeri Perlis.

*Sir, we quite well understand the importance and urgency of the Irrigation project in South Perlis and we know it is with intention of improving the conditions of the bendang land in South Perlis (D&IE. Ps. 32/52b).*

Kepentingan sektor penanaman padi di negeri Perlis ini telah membuka mata British untuk membawa masuk unsur-unsur pemodenan baharu bagi memastikan sektor ini berkembang seiring dengan keperluan ekonomi komersial yang diutamakan oleh British pada ketika itu. Antara usaha pemodenan bagi sektor penanaman padi di Perlis, British memperkenalkan enakmen-enakmen tanah, penggunaan teknologi-teknologi persawahan baharu dan pemodenan sistem pengangkutan di Perlis.

#### LANGKAH PEMODENAN OLEH BRITISH DALAM SEKTOR PENANAMAN PADI DI PERLIS, 1930-1941

Sebagai pihak pentadbir negeri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perancangan dan pelaksanaan ekonomi negeri, British mengambil inisiatif untuk merancakkan lagi kegiatan ekonomi di Perlis yang semakin berkembang ke arah ekonomi komersial dengan memperkenalkan beberapa langkah pemodenan dalam sektor penanaman padi. Usaha pemodenan ini dibuat melalui pengenalan Enakmen dan Undang-Undang Tanah Pertanian; pemodenan sistem pengangkutan; dan pengenalan teknologi persawahan moden.

#### PENGENALAN ENAKMEN DAN UNDANG-UNDANG TANAH PERTANIAN

Kemajuan yang paling meninggalkan impak dalam sektor penanaman padi di negeri Perlis dapat dikatakan berpunca daripada pelaksanaan enakmen dan undang-undang berkaitan tanah pertanian.

*Enakmen Tanah 1937* yang diperkenalkan oleh British adalah bertujuan untuk membuat persempadan dan menentukan hak milik golongan petani bagi tujuan penanaman padi. Perkara ini direkodkan seperti berikut:

*This enactment repealed and re-enacted with amendment the Land Titles Enactment 1341, under the new law power was given to divide the Territory of the states into Mukims and to declare Township and Village Areas; land was classified for the purpose of issuing different forms of titles (Perlis Annual Report 1937).*

Enakmen ini penting bagi memastikan kelancaran dalam proses penanaman padi khususnya di kawasan-kawasan yang telah diklasifikasikan sebagai kawasan yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan dalam hasil pengeluaran padi. *Enakmen Tanah 1937* ini juga memperuntukkan setiap pesawah diberikan sebanyak dua ekar tanah atau 'kampong' bagi tujuan penanaman padi seperti yang termaktub dalam perenggan kesepuluh. *Enakmen Tanah 1937* ini turut menjelaskan bahawa setiap pesawah diperuntukkan bekalan-bekalan barang untuk tujuan penanaman padi.

*For dry padi a minimum of 5 gantangs of seed would be required per acre at a cost of about \$1 per gantang. The Agricultural Department would endeavour to arrange for the supply of dry padi seed up to a value of \$7 per acre (D.I.D K/P 83/60)*

Selain daripada *Enakmen Tanah 1937*, pihak British turut memperkenalkan pembaharuan dalam *Enakmen Penanaman Padi* yang dikhususkan untuk membuat kawalan dan memilih benih-benih padi. Teknik penanaman padi yang lebih efisien untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi turut dimasukkan dalam perihalan enakmen ini:

*The amendments generally were to ensure proper care of growing padi crops and to simplify the procedure for enforcing the contribution of communal labour towards certain classes of essential works (Perlis Annual Report 1935-1936).*

Penggubalan enakmen-enakmen berkaitan tanah pertanian ini tidak dinafikan memberikan kesan yang positif terutamanya dalam aspek produktiviti pengeluaran padi. Hal ini demikian kerana, melalui pengenalan enakmen-enakmen ini dapat dilihat bahawa hasil pengeluaran padi pada masa ini tidak hanya bersifat sekadar 'cukup makan' sahaja sebaliknya telah menjadikan penanaman padi itu sendiri bersifat komersial dan mampu menjana ekonomi negeri Perlis.

JADUAL 1. Senarai Eksport Beras dan Padi, 1334–1939

Perkara	1934 (pikul)	1935 (pikul)	1936 (pikul)	1937 (pikul)	1938 (pikul)	Harga untuk tahun 1939 (\$)
Padi	130,686	135,455	150,864	70,342	37,941	72,306
Beras	85,750	119,595	95,886	173,863	154,224	492,617

Sumber: *Perlis Annual Report 1939*

Antara kandungan enakmen ini adalah mengenai tanggungjawab golongan pesawah untuk mengerjakan tanah penanaman padi dan sesiapa yang melanggar peraturan ini misalnya menanam tanaman lain akan dikenakan denda sesuai dengan peraturan yang telah dimeterai dalam enakmen ini (*Perlis Annual Report 1935-1936*). Hal ini bagi memastikan hasil pengeluaran padi sentiasa mencukupi dan kesuburan serta kualiti padi yang dihasilkan berada dalam keadaan baik kerana jika tanah sawah ditanam dengan tanaman lain kebarangkalian untuk ketidaksuburan tanah adalah tinggi dan menjaskan hasil produktiviti pengeluaran padi.

#### PEMODENAN SISTEM PENGANGKUTAN

Sistem pengangkutan juga merupakan salah satu nadi kepada sektor ekonomi penanaman padi di negeri Perlis. Tanpa sebuah sistem pengangkutan yang efektif, pengeluaran hasil padi yang diinginkan juga akan terbatas. Oleh sebab itu, dapat dilihat bahawa pihak British turut memperkasakan sistem pengangkutan di negeri Perlis iaitu melalui pembinaan jalan kereta api. Sebenarnya, sebelum wujudnya pembinaan jalan keretapi, sistem pengangkutan melalui jalan air sudah pun sedia wujud di negeri Perlis sebelum kedatangan pihak British lagi. Menurut Shukor Mat;

*Kangah (Kangar) stands on the north bank of river and like other towns in the country, has only just enough clear ground around it, to afford room for the growth of such rice (Shukor Mat 2007).*

Menjelang tahun 1880-an, perhubungan melalui jalan darat mula berkembang dengan kemunculan kereta api yang menghubungkan negeri-negeri Melayu di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu hasil cetusan idea oleh pihak British. Tujuan utama pembinaan kereta api ini adalah untuk memastikan kepentingan ekonomi komersial British di Tanah Melayu sentiasa terjaga selari dengan matlamat utama mereka untuk mengaut keuntungan daripada hasil bumi di Tanah Melayu. Sistem pengangkutan darat di Perlis menjadi semakin

penting selepas negeri Perlis menjadi naungan rasmi British pada tahun 1930 iaitu sebagai suatu alat perhubungan terutamanya untuk mengangkut hasil penanaman padi ke kilang-kilang padi khususnya kilang-kilang padi di kawasan Arau. Menurut Salim Nabijan (1979):

*Landasan keretapi dari Alor Star ke Bukit Ketri di negeri Perlis sepanjang 56 ½ batu telah dibuka untuk kegunaan pengangkutan dan penumpang pada 15hb. 1917. Sementara itu landasan keretapi dari Bukit Ketri ke Padang Besar telah dibuka untuk pengangkutan barang dan penumpang pada 1hb. Mac 1918.*

Kemajuan pengangkutan kereta api yang dibawa oleh pihak British ini tidak hanya memberikan manfaat terhadap pengangkutan penanaman padi ke kilang-kilang beras, bahkan turut merangsang pembukaan lebih banyak jalan raya serta pekan-pekan kecil. Hal ini secara tidak langsung turut memberikan manfaat kepada penduduk di negeri Perlis khususnya mereka yang terlibat dalam sektor ekonomi penanaman padi. Pembinaan jalan kereta api ini telah mewujudkan landskap pembangunan pekan-pekan kecil seperti Bukit Keteri, Mata Ayer dan Kubang Tiga yang pada waktu itu turut sama giat menjalankan penanaman padi sebagai sumber utama bagi memperoleh pendapatan (Syed Mohd Hilmi 2017). Perkembangan dalam pembangunan pekan-pekan kecil ini telah membawa kepada wujudnya pertambahan dalam pembinaan jalan-jalan raya yang secara tidak langsung telah memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan sektor ekonomi penanaman padi serta fasiliti-fasiliti asas di negeri Perlis.

#### PENGENALAN TEKNOLOGI PERSAWAHAN MODEN

British tidak hanya menekankan kepada aspek penggunaan tanah dan kemajuan pengangkutan sahaja, sebaliknya mereka turut membawa masuk teknologi-teknologi persawahan moden bagi menggantikan peralatan persawahan yang lama. Hal ini demikian kerana peralatan tradisional yang diguna pakai oleh pesawah sebelumnya tidak begitu efisien dan memakan masa yang lama

dalam proses menyiapkan sesebuah petak sawah. Antara teknologi yang dibawa masuk oleh British ialah menerusi penggunaan mesin pembajak yang menggantikan tenaga kerbau dan tenggala. Masyarakat Melayu tradisional menggunakan tenggala dan tenaga kerbau bagi tujuan membajak sawah sebelum British membawa masuk teknologi moden iaitu mesin pembajak sawah atau lebih dikenali sebagai traktor. Tenggala merupakan alat untuk menggemburkan dan membalikkan tanah yang kebiasaannya diperbuat daripada kayu halban kerana kayu ini kuat dan mudah dibentuk (Rusaidi Ramli t.t.). Menurut Syed Mohd Hilmi (2017):

*Mesin pembajak yang dibawa masuk ini dikenali sebagai Kubota (kerbau buta) oleh penduduk Perlis, penggunaan mesin*

*pembajak dalam proses meratakan tanah-tanah sawah dan dilihat penggunaannya lebih cepat dan penggunaan tenaga manusia agak kurang.*

Penggunaan jentera-jentera moden yang dibawa oleh British telah mengakibatkan berlakunya peningkatan dalam pengeluaran hasil pertanian kerana pesawah dapat menyiapkan petak sawah dalam jangka masa yang lebih pendek (*Perlis Annual Report 1935-1936*). Jadual 2 di bawah menunjukkan peningkatan hasil pengeluaran padi pada tahun 1936 berbanding tahun sebelum selepas penggunaan jentera-jentera moden dalam sektor penanaman padi di Perlis.

JADUAL 2. Hasil Pengeluaran Padi Mengikut Kawasan, 1935–1936

Kawasan	Hasil Pengeluaran Padi Musim Lepas (1935)	Hasil Pengeluaran Padi Musim Baru (1936)
<b>KAWASAN BARAT</b>		
Mukim Beseri, Abi, Kurong Batang, Kechor, Paya, Padang Pauh, Sena dan Wang Bintong	8,992	10,011
<b>KAWASAN TIMUR</b>		
Mukim Titi Tinggi, Chuping, Padang Siding, Oran, Arau, Ngulang, Jejawi, Sungai Adam dan Kurong Batang	10,478	12,597
<b>KAWASAN SELATAN</b>		
Mukim Kuala Perlis, Seriap, Utan Aji, Kayang dan Sanglang	18,001	20,066
Jumlah	37,471	42,674

Sumber: *Perlis Annual Report 1935-1936*

Antara teknologi mesin pembajakan yang dibawa masuk ialah enam buah mesin traktor yang tiga daripadanya daripada jenis 18/31 H.P dan 12/20 H.P yang digunakan dalam proses menggemburkan tanah-tanah pertanian dan perkara ini dapat dilihat seperti dalam petikan di bawah:

*During the time the Company has been operating this property the owners undertaking padi cultivation on a large scale. They have also established a very satisfactory system of canals and distributaries for irrigation and are now in a position to control the supply of water with great facility. They have imported six Case tractors of which three are 18/32 H. P. type and three are 12/20 H.P. type tractors. For cultivating the land they have imported and experimented 'with a considerable selection of ploughs and harrows and have come to the conclusion that for breaking up the new land disc ploughs are preferable ... . For land that has already been in cultivation, in order to turn in the stubble and weeds it has been found that ploughs of the mould board type are preferable and for this purpose three gang mould board ploughs of the type usually worked with tractors and of which the depths of ploughing can be regulated in the usual way are employed (Tempany et al. 1930).*

Teknologi-teknologi persawahan moden yang dibawa masuk oleh pihak British tidak hanya terhad kepada penggunaan jentera, bahkan pihak British turut menjalankan penyelidikan terhadap benih-benih padi. Hal ini bertujuan untuk memastikan pengeluaran padi yang dihasilkan mempunyai mutu yang baik dan berkualiti tinggi selepas tahun 1930-an. Menurut Mohd Azlan Abdullah et al. (2009):

*Program penyelidikan yang bertujuan untuk menemukan benih-benih padi yang lebih produktif hanya dimulakan pada tahun 1934 kerana terdapat lebihan pendapatan negara ekoran daripada langkah inovatif kerajaan penajah mengenakan duti kepada beras yang diimport pada tahun sebelumnya.*

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa terdapatnya usaha daripada pihak British untuk menaik taraf kualiti biji benih padi yang digunakan dalam sektor pertanian setelah negeri Perlis secara rasminya menjadi negeri di bawah naungan British pada tahun 1930. Pemodenan dalam bidang

penyelidikan teknologi biji benih padi yang dibawa oleh pihak British sedikit sebanyak telah memberikan impak kepada penghasilan pengeluaran padi pada waktu itu. Secara umumnya, sebelum pihak British membawa masuk teknologi pembajakan moden untuk tujuan persawahan padi, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$40 bagi tujuan peruntukan alatan pertanian yang merangkumi alat-alat seperti parang, kapak dan cangkul yang dilihat kurang efektif dalam menjalankan penanaman padi skala besar dalam tahun 1930 (*D.I.D K/P 83/60*).

Justeru, dapat dikatakan bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak British telah menunjukkan perubahan dalam sektor ekonomi penanaman padi di negeri Perlis namun suasana yang agak berbeza berlaku dalam tempoh 1941 sehingga tahun 1945 yang menyaksikan perubahan tumpuk pemerintahan daripada penjajah British kepada penjajahan tentera Jepun. Hal ini demikian kerana, semasa tempoh peralihan tumpuk pemerintahan kepada pihak tentera Jepun, sektor ekonomi penanaman padi yang dahulunya mengeluarkan hasil-hasil yang memberangsangkan semakin merosot apabila berlakunya banyak perubahan dan kawalan-kawalan ketat diperkenalkan oleh pihak tentera Jepun khususnya dalam bidang ekonomi.

#### PEMODENAN SEKTOR PERTANIAN DI PERLIS ERA PENDUDUKAN JEPUN, 1941-1945

Pendudukan tentera Jepun di negeri Perlis menyaksikan perubahan dalam sistem ekonomi apabila sistem ekonomi pasaran bebas yang diamalkan sebelumnya telah dirombak menjadi sistem ekonomi terkawal yang secara tidak langsung mengakibatkan perubahan dalam sektor ekonomi penanaman padi di negeri ini. Ekonomi terkawal sinonim dengan pelaksanaan sistem ekonomi secara tertutup iaitu pihak Jepun tidak membenarkan sebarang urusan perdagangan luar. Keadaan ini telah menyebabkan semasa zaman Jepun tidak wujudnya sebagai aktiviti pengeksportan dan pengimportan padi yang sekaligus menyebabkan berlakunya kemerosotan dalam proses penghasilan dan penjualan padi pada waktu itu (*Kratoska 2000*). Antaranya boleh dilihat melalui pelaksanaan dasar ekonomi Jepun dan polisi-polisi yang termaktub dalam undang-undang berkaitan penanaman padi.

#### POLISI PERUNDANGAN JEPUN

Polisi perundangan yang diamalkan oleh pihak tentera Jepun di negeri Perlis dapatlah dikatakan sama seperti yang dijalankan terhadap negeri-negeri Melayu lain iaitu, berasaskan kepada sistem ketenteraan yang lebih menekankan kepada kepentingan mereka semata-mata. Pada masa tersebut tentera dan polis Jepun sering menjalankan pemeriksaan terhadap penduduk tempatan untuk memastikan tiada penduduk di negeri Perlis yang menyimpan atau menyembunyikan lebihan padi dan sesiapa sahaja yang tertangkap akan dikenakan hukuman yang sangat berat oleh tentera Jepun (*Ahmad Ismail dan Yazid Mat 1992*). Hal ini dapat dilihat melalui pengenalan ‘sistem permit’ yang dikenakan terhadap sebarang bentuk kegiatan ekonomi termasuk penanaman padi. Sistem Permit ini mensyaratkan sebarang bentuk perdagangan, perlombongan dan perusahaan diletakkan sepenuhnya dalam kawalan tentera Jepun dan dengan pengeluaran lesen kepada kaisha (ejen Jepun) sebelum menjalankan sebarang bentuk aktiviti ekonomi (*Jabil Mapjabil et al. 2010*).

Undang-undang dan peraturan yang ketat ini telah menyebabkan kesengsaraan hidup dalam kalangan masyarakat tempatan khususnya golongan petani yang bergantung hidup kepada aktiviti persawahan. Hal ini secara tidak langsung telah melemahkan produktiviti pengeluaran padi di negeri Perlis dan kesannya dapat dilihat walaupun selepas pihak tentera Jepun menyerah kalah. Perkara ini dapat dilihat melalui pernyataan di bawah:

*It is also hoped that the proposal made to the Federal Goverment that compensation for losses incurred in winding up these Societies during the Japanese occupation will, if accepted, do much restore the confidence of the agriculturists (B.A. PS. 2-1949).*

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan undang-undang yang ketat oleh tentera Jepun telah mempengaruhi hasil pengeluaran penanaman padi pada masa ini apabila wujudnya suatu perasaan tawar hati dalam kalangan penduduk untuk terus mengerjakan sawah ekoran kebanyakan hasil pertanian mereka dirampus oleh tentera Jepun dan juga wujudnya sentimen ‘sekadar cukup makan’ yang telah lama tersemat dalam sanubari golongan petani di negeri Perlis. Penerapan sikap ini dapat dijelaskan melalui memorandum yang dikemukakan

oleh Tuan Haji Mohd Eusoff seperti yang dicatatkan dalam rekod *B. A. PS. 2-1949* semasa lawatan beliau ke negeri Perlis: “*An inherent characteristic which make [sic] him content with ‘chukup makan’ and inclines him to no more exertion than his necessary to obtain a bare livelihood*” (*B. A. PS. 2-1949*).

Dalam *The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1st April to 31st Dec* menyatakan bahawa, sejak pendudukan tentera Jepun di negeri Perlis, telah berlakunya penurunan dalam jumlah produktiviti pengeluaran padi hingga menyebabkan kekosongan beberapa ekar tanah bendang yang sebelumnya dipenuhi dengan tanaman padi antara tahun 1940 sehingga tahun 1941 (*The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1st April to 31st Dec 1946*). Hal ini boleh dirujuk menerusi petikan ini: “*At a certain period of the enemy occupation it went up to as high as 280,000 acres (between 1943-44) with comparatively low yield returns*” (*The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1st April to 31st Dec 1946*).

Jika dilihat daripada perspektif yang berbeza, dapat dilihat bahawa penekanan secara kekerasan oleh tentera Jepun melalui cara *militarianisme* telah menjadi faktor titik tolak kepada permasalahan ini. Jika dilihat antara salah satu punca kemerosotan bidang penanaman padi adalah daripada kurangnya sumber ternakan iaitu kerbau dan lembu untuk menjalankan kerja-kerja persawahan. Namun, hakikatnya, pengurangan ini adalah disebabkan oleh undang-undang yang ditekankan oleh pihak tentera Jepun iaitu, mereka lebih mementingkan sumber makanan khususnya bagi memenuhi keperluan tentera-tentera mereka yang menyebabkan kebanyakan kerbau dan lembu pada waktu ini dijadikan sebagai bekalan makanan daripada digunakan dalam bidang pertanian. Perkara ini dapat dilihat melalui pernyataan di bawah:

*Compared to 1941 there was a very big decrease among all the classes of animal population. The decreases which had been most fast and has much affected the padi work was among the buffaloes and cattles population which decreased by 52 per cent respectively (The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1st April to 31st Dec 1946).*

#### DASAR EKONOMI JEPUN

Sektor penanaman padi pada zaman Jepun telah dikuasai sepenuhnya oleh syarikat *Mitsui Shoji Kaisha* yang mengamalkan dasar monopoli dalam

pengawalan bekalan makanan khususnya bekalan padi dan beras. Pemerintah Jepun pada masa ini sangat menekankan kepada pelaksanaan rancangan berkedudukan “*Berdikari*” untuk meningkatkan bekalan makanan dalam negeri dan bagi memenuhi keperluan askar-askarnya yang menjadikan sektor penanaman padi pada waktu itu sangat penting. Antara elemen penting dalam dasar ini adalah untuk meluaskan kawasan penanaman padi dan pihak Jepun juga membawa masuk teknologi benih padi baharu iaitu “*benih padi Taiwan*” supaya padi dapat ditanam dua kali setahun dengan membawa masuk teknologi pertanian dan pakar-pakar pertanian dari Jepun (*SUK Kedah 770/2487*). Namun hakikatnya, pelaksanaan dasar berkedudukan “*Berdikari*” ini dilihat gagal untuk mencapai matlamat untuk meluaskan lagi kawasan penanaman padi apabila tanah seluas 3,259.73 ekar masih lagi terbengkalai walaupun pelbagai subsidi telah diperuntukkan oleh pihak Jepun dalam menjamin bekalan padi dan beras di negeri Perlis sentiasa mencukupi (*R. C. PS. 371/47*).

*These subsidies will only be paid after the work is completed, in order to avoid on failure at the part of the cultivator to carry out the necessary work. Furthermore this scheme would be made known to all padi cultivators or potential cultivator by propaganda means (R. C. PS. 371/47).*

Petikan ini menunjukkan bahawa keadaan sebenar semasa penjajahan Jepun di negeri Perlis sememangnya telah memberikan tekanan dan penderitaan terhadap golongan petani kerana setiap hasil pengeluaran pertanian mereka sentiasa dikawal dan diawasi oleh pihak tentera Jepun. Hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan golongan petani ini tawar hati untuk bersungguh-sungguh mengusahakan tanah bendang kerana mereka mengetahui bahawa setiap hasil padi yang dituai adalah untuk diberikan kepada pihak Jepun dan mereka hanya mendapat sedikit sahaja imbalan atas kerja keras yang dijalankan. Situasi ini telah menyebabkan banyak tanah bendang terbengkalai kerana kurangnya tenaga buruh yang ingin mengerjakan padi. Pihak Jepun juga hanya membenarkan sebahagian kecil hasil pengeluaran penanaman padi disimpan oleh golongan petani manakala sebahagian besar daripada hasil tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak Jepun bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan tentera-tentera Jepun supaya sentiasa mencukupi (Ahmad Ismail dan Yazid Mat 1992).

## PENGENALAN TEKNOLOGI BAHARU: TANAMAN PADI SATU MUSIM DAN BENIH PADI TAIWAN

Era pendudukan Jepun juga menyaksikan wujudnya perubahan dalam teknologi penanaman padi di negeri Perlis apabila pada waktu itu pihak Jepun telah memperkenalkan penanaman padi secara satu musim. Pengenalan tanaman padi satu musim ini adalah berkait rapat dengan rancangan Jepun dalam dasar untuk mencukupkan bekalan makanan yang mensyaratkan penanaman padi dilakukan sebanyak dua kali setahun (Yoshimura Mako 2008). Situasi yang sama turut berlaku di negeri Perlis apabila kebanyakan kaedah yang diterapkan oleh Jepun di negeri Kedah yang pada masa itu merupakan pengeluar terbesar beras di Semenanjung Tanah Melayu dilihat tidak mempunyai perbezaan dengan negeri-negeri utara lain yang dinaunginya. Lazimnya, melalui pengenalan tanaman padi satu musim ini, pihak tentera Jepun telah membenarkan penerokaan dan pembersihan ladang-ladang getah untuk dijadikan tapak bagi penanaman padi sawah khususnya di kawasan selatan Perlis iaitu Mukim Utan Aji (SUK. 2602/2603). Kawasan-kawasan penanaman padi di Perlis pada waktu ini masih mengikuti acuan yang diguna pakai oleh pihak British sebelumnya iaitu dibahagikan kepada tiga kawasan besar meliputi kawasan Barat, Timur dan Selatan (*Adviser Perlis No. 121-1349*). Melalui pengenalan penanaman padi satu musim ini, pihak Jepun turut membawa masuk teknologi pertanian baharu dengan memperkenalkan alat-alat seperti *water wheel* dan alat pemukul padi disamping mempromosikan biji benih baharu untuk penanaman padi iaitu benih padi Taiwan (Jabil Mapjabil et al. 2010).

Teknologi penanaman padi yang signifikan semasa zaman penjajahan Jepun dapat dilihat melalui usaha pihak Jepun membawa masuk benih padi Taiwan. Benih padi Taiwan ini telah dibawa khas oleh tentera Jepun untuk diuji kesesuaian penanamannya di negeri-negeri utara Semenanjung Tanah Melayu khususnya di negeri Perlis dan Kedah yang dilihat sebagai sebuah entiti bersama pada waktu ini. Benih-benih padi Taiwan ini terdiri daripada Jiponniwa, Connan-Dua, Connan-Nigok, Fibihun, Ohioshu dan Gosisay (Mapjabil et al. 2010). Penanaman padi jenis ini sangat bergantung kepada bekalan sumber dan saliran air yang mencukupi kerana padi jenis ini hanya akan tumbuh subur di kawasan yang mempunyai bekalan air yang banyak. Hal ini telah mempengaruhi pihak Jepun memperkenalkan alatan pertanian baru iaitu *Shuishia* atau *water-wheel* yang berperanan penting dalam

memastikan proses penanaman benih padi Taiwan berjalan dengan lancar (Mapjabil et al. 2010).

Namun, usaha pihak Jepun ini dilihat tidak mendatangkan hasil yang lumayan kerana keadaan tanah dan saliran di negeri Perlis itu sendiri tidak bersesuaian dengan jenis tanaman benih padi Taiwan ini. Jika dilihat kembali pada zaman pentadbiran British, masalah berkaitan sistem saliran di Perlis bukanlah suatu masalah yang baharu apabila pihak British sendiri pada masa itu juga berusaha untuk membaiki sistem saliran di negeri Perlis. Namun, usaha ini tidak dapat dijalankan sepenuhnya ekoran kemaraan tentera Jepun ke negeri Perlis pada tahun 1941. Kegagalan sistem pertanian benih padi Taiwan ini juga dapat dikatakan berpunca daripada pengurangan jumlah taburan hujan yang dialami oleh negeri-negeri di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu pada waktu itu. Perkara ini direkodkan dalam sumber laporan tahunan seperti berikut:

*The causes which led to the decline were many, of which among the chief were- absence of manuring at the correct time, floods, drought, depletion in the number of drought animals, Japanese interference and sense of insecurity due to War (The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1<sup>st</sup> April to 31<sup>st</sup> Dec 1946).*

Petikan dalam laporan tahunan ini juga menyatakan bahawa, tempoh yang dianggarkan untuk memulihkan semula sektor ekonomi penanaman padi selepas tempoh penjajahan Jepun berkemungkinan mengambil masa yang panjang iaitu sekitar lima hingga 10 tahun untuk sektor ini berkembang semula ekoran banyak kemerosotan yang berlaku sepanjang negeri Perlis berada di bawah naungan tentera Jepun (*The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1<sup>st</sup> April to 31<sup>st</sup> Dec 1946*). Sikap pihak Jepun sendiri yang terlalu menekankan kepada disiplin kerja turut menyebabkan pengenalan benih padi Taiwan ini menemui kegagalan. Hal ini demikian kerana polisi Jepun iaitu Niponisasi yang membudayakan ketamadunan Jepun di Tanah Melayu telah mewujudkan ketidakselesaan dalam kalangan penduduk yang dijajah kerana mereka telah secara terpaksa menerima dan memberikan taat setia kepada Maharaja Jepun. Pemerintahan Jepun yang dijalankan secara ketenteraan telah banyak mendatangkan penderitaan dan kesulitan di Tanah Melayu (Kobkua Suwannathat-Pian 2009).

Hal ini demikian kerana kerahan tenaga yang berat telah dikenakan terhadap golongan petani dan tekstur benih padi Taiwan amat jauh berbeza dengan cita rasa orang Melayu pada waktu itu

mengakibatkan usaha penanaman padi jenis ini tidak mendapat sambutan dan membawa kejayaan. Berdasarkan rekod, jumlah keseluruhan tanah bendang terbengkalai kesan daripada campur tangan pihak tentera Jepun dalam sektor penanaman padi di negeri Perlis adalah sebanyak 3,259.73 ekar (*R. C. PS. 321/47*).

#### KESAN CAMPUR TANGAN BRITISH DAN JEPUN DI PERLIS TERHADAP SEKTOR PENANAMAN PADI: SEPINTAS LALU

Penjajahan British di negeri Perlis telah banyak meninggalkan kesan positif terhadap sektor ekonomi penanaman padi khususnya semasa peringkat awal pentadbiran iaitu antara tahun 1930 sehingga tahun 1941. Antara kesan positif yang dapat dilihat melalui kedatangan pihak British ini adalah dengan kemasukan teknologi pertanian moden yang secara tidak langsung telah membantu meningkatkan ekonomi negeri Perlis apabila sektor penanaman padi ini telah berjaya dikomersialkan. Menurut Mohd Azlan Abdullah et al. (2009):

Cara hidup “ekonomi semulajadi” yang diwarisi dari fasa prapenjajahan dahulu terpaksa diubahsuai supaya selaras dengan corak ekonomi kapitalis yang hampir segalanya menggunakan wang.

Kemajuan dalam bidang penanaman padi pada zaman penjajahan British telah berjaya meningkatkan pendapatan negeri Perlis pada waktu itu. Hal ini secara tidak langsung turut memberikan kelebihan kepada penduduk di negeri Perlis khususnya golongan petani. Perkara ini selari dengan dasar pertanian yang dilaksanakan oleh British iaitu mengekalkan golongan petani Melayu di kampung-kampung dengan penanaman padi (Mohd Isa Othman 2001). Kemasukan penjajah British ini telah membuka peluang kepada penduduk di negeri Perlis pada waktu ini untuk menjana pendapatan dalam sektor penanaman padi. Misalnya, “*Advances may be given, free of interest, up to a week's purchase of physical padi on vouchers submitted and certified by the local Food Controller or the Officer authorised by the Controller of Supplies*” (*R. C. PS. 46-1947*).

Pentadbiran British juga telah menyaksikan wujudnya kempen-kempen kesedaran khususnya dalam kalangan petani Melayu untuk mula menabung. Hal ini demikian kerana, pihak British melihat sistem “*padi kuncha*” yang memberikan kelebihan kepada “orang tengah” haruslah ditangani sekiranya golongan petani Melayu

ingin mendapatkan hasil yang setimpal dengan pekerjaannya. Pesawah Melayu pada masa ini dikatakan kurang pengetahuan tentang perniagaan yang menjadikan pesawah Melayu pada waktu itu terlalu bergantung dengan peranan “orang tengah” lalu mengakibatkan kemiskinan dalam kalangan pesawah Melayu semakin ketara pada waktu itu (*R. C. PS. 46-1947*). Penglibatan “orang tengah” semasa zaman pendudukan Jepun di negeri Perlis telah memberikan kesan yang buruk terhadap sektor penanaman padi ini sehingga berlakunya pengurangan perbendaharaan negeri dan ramai golongan petani yang ditindas. Situasi ini telah menyebabkan pihak British terpaksa menjalankan kempen-kempen kesedaran untuk memulihkan keadaan dan ekonomi negeri Perlis selepas pihak Jepun menyerah kalah.

Pendudukan British juga telah menyelesaikan isu penindasan yang dilakukan oleh Jagat Singh yang merupakan ceti terkenal di negeri Perlis pada waktu itu. Isu penindasan Jagat Singh mendapat perhatian pihak British apabila didapati ramai golongan petani yang kehilangan hak-hak mereka khususnya tanah bendang apabila tidak mampu melunaskan hutang kepada Jagat Singh. Tindakan Jagat Singh yang memberikan pinjaman kewangan kepada golongan petani telah menyebabkan kerugian kepada golongan ini kerana mereka terpaksa menyerahkan tanah apabila gagal membuat bayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan (Syed Mohd Hilmi 2017). Tindakan *State Council* Perlis yang telah menjatuhkan hukuman buang negeri terhadap Jagat Singh telah membuka peluang kepada golongan pesawah di Perlis untuk mendapatkan tanah-tanah mereka yang tergadai sebelum itu (Syed Mohd Hilmi 2017). Tindakan pantas pihak British dalam membendung masalah ini telah memangkin kepada kemajuan semula sektor penanaman padi di negeri Perlis apabila para petani dapat mengerjakan tanah sawah mereka seperti sediakala.

Pihak British juga turut menyediakan pinjaman pendidikan bagi anak-anak petani Melayu yang telah sedikit sebanyak menimbulkan kesedaran untuk memberikan pendidikan asas kepada anak-anak mereka. Pendidikan pada peringkat ini hanyalah untuk menjadikan anak-anak Melayu sebagai petani yang lebih baik daripada ibu bapanya. Hal ini demikian kerana, sungguhpun British memperkenalkan sistem pendidikan, namun matlamat mereka masih sama iaitu mengekalkan anak-anak Melayu sebagai petani di kampung. Mengikut bancian yang dijalankan oleh penghulu-

penghulu di negeri Perlis, dapat dikenal pasti bahawa dalam bulan Disember 1946, bilangan kanak-kanak Melayu yang berumur antara 7 hingga 15 tahun ialah seramai 4,774 orang lelaki dan 1,919 orang kanak-kanak perempuan yang mendapat manfaat pendidikan pada masa tersebut (*S. S. PS. 232-48*).

Sungguhpun British banyak membawa pembaharuan dan kemajuan dalam sektor ekonomi penanaman padi di negeri Perlis dalam tempoh 1930 hingga 1941, akan tetapi masih terdapat beberapa masalah yang timbul hasil daripada peraturan yang diperkenalkan oleh British. Antara masalah yang timbul disebabkan oleh pengenalan sistem permit yang membawa kepada masalah monopoli padi atau beras oleh pihak-pihak yang mempunyai permit khususnya para peniaga Cina (*R. C. PS. 117-1947*). Penggunaan permit bagi membawa hasil padi telah menyebabkan kesukaran bagi golongan pesawah untuk memasarkan hasil padi kerana mereka terikat dengan segala peraturan yang ditetapkan oleh British. Hal ini dapat dilihat melalui petikan surat S. Ali Bujanid kepada *Resident Commisioner* di Perlis:

*I have the honour to apply for permit to remove Five Kunchas of paddy (32 pikuls) from Mukim Jawi to my house in Arau. This paddy is from my own land in Mukim of Sungai Adam bearing Grant no. 141, 142, T. O. L no. 1222, T. O. L No. 387 Mukim Jejawi (R. C. PS. 117-1947).*

Pengenalan permit jelas menyukarkan kehidupan golongan petani apabila mereka tidak lagi mempunyai hak untuk memiliki hasil padi sepenuhnya kerana sebarang transaksi yang dijalankan haruslah mendapat kebenaran daripada British. Sesiapa yang didapati melanggar arahan seperti menyembunyikan stok beras akan dikenakan denda yang tinggi dan hasil padinya akan turut dirampas. Menurut rekod, “*No padi may be taken out of the State by land or sea. Any person attempting to do so without a permit must be arrested*” (*R. C. PS. 113-1947*). Ringkasnya, pengenalan sistem permit oleh British telah mengubah dan menghilangkan sepenuhnya nilai-nilai tradisional sektor penanaman padi di negeri Perlis kerana masyarakat tempatan yang begitu sebat dengan kegiatan penanaman padi tidak lagi dapat terlibat sepenuhnya dalam sektor ini khususnya dalam urusan jual beli kerana dikekang oleh peraturan permit.

Selain isu permit, dasar British yang menggalakkan penglibatan imigran asing dari China dalam sektor ekonomi komersial seperti tanaman getah di Perlis turut memberi kesan kepada kalangan pesawah tempatan di negeri itu. Selepas Raja Syed Alwi menerima kehadiran British secara rasmi

di Perlis pada tahun 1930, semakin ramai buruh imigran Cina masuk ke Perlis ekoran dasar British tersebut (Syed Mohd Hilmi 2017). Kemasukan buruh imigran Cina ke Perlis bukan sahaja merancakkan lagi kegiatan ekonomi komersial getah, namun turut memberi tempias kepada sektor perniagaan dan peruncitan apabila kebanyakan mereka mula menguasai sektor ini. Hal ini ekoran kemampuan mereka dari segi modal yang membolehkan mereka mendapatkan permit untuk menguruskan hal jual beli beras atau padi secara sah di sisi peraturan British (*R. C. PS. 113-1947*). Situasi ini membawa kepada dominasi peniaga Cina dalam kegiatan jual beli padi terutamanya di kawasan bandar iaitu di Kangar dan Arau. Contohnya, Kilang Padi Hock Bean Bee & Co yang merupakan salah satu kilang padi terkenal di Perlis pada waktu itu. Kilang ini telah diiktiraf untuk membuat pembelian padi melalui lesen-lesen yang dikeluarkan kepada sub-ejen yang kebanyakannya didominasi oleh imigran Cina (*R. C. PS. 113-1947*). Pendominasian ini telah menyebabkan ramai golongan petani Melayu masih hidup dalam kemiskinan dan situasi ini menjadi semakin parah pada era pendudukan tentera Jepun dalam tempoh 1941 hingga 1945.

Pendudukan Jepun di negeri Perlis walaupun berlangsung dalam tempoh yang singkat telah banyak meninggalkan kesan yang mendalam kepada sektor ekonomi dan sosial penduduk di negeri Perlis. Menurut Ahmad Ismail dan Yazid Mat (1992):

Sepertimana juga keadaan-keadaan di negeri-negeri lain di Tanah Melayu khasnya dan Asia Tenggara amnya yang dikuasai oleh Jepun dalam era tersebut, kehidupan rakyat di negeri Perlis dalam era itu sangat menderita dan menyedihkan.

Sektor ekonomi penanaman padi semasa era pendudukan Jepun menjadi salah satu sektor yang menerima kesan buruk ekoran penjajahan ini. Buktinya, pendudukan Jepun telah menyebabkan wujudnya kemerosotan yang teruk dalam penghasilan padi. Perkara ini dapat dijelaskan melalui laporan *The Annual Report of the State Agricultural Officer, Kedah and Perlis From 1<sup>st</sup> April to 31<sup>st</sup> December 1946* yang menyatakan bahawa semasa era pendudukan Jepun telah berlakunya kemerosotan dalam penghasilan padi yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Kemerosotan ini tidak hanya berlaku semasa era penjajahan Jepun sahaja bahkan kesannya turut dirasai dalam tempoh antara dua hingga tiga tahun selepas pihak tentera Jepun menyerah kalah. Perkara ini direkodkan seperti berikut:

*The total area under wet padi di Kedah this year was 333,550 relongs (26,820 acres) and in Perlis 51,600 relongs (36,635 acres). Since the Japanese Occupation, the padi area has somewhat vacillated (The Annual Report of the State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1<sup>st</sup> April to 31<sup>st</sup> December 1946).*

Kemerosotan dalam sektor penanaman padi bukan hanya memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi di negeri Perlis bahkan turut membawa kepada kemerosotan pendapatan golongan petani pada waktu itu. Kemerosotan penanaman padi zaman Jepun jelas kelihatan kerana pada awal tahun 1931 jumlah pengeluaran padi adalah memberangsangkan namun, semenjak tahun 1943 hingga 1944 iaitu pada masa pemerintahan tentera Jepun, hasil penanaman padi di negeri Perlis turun mendadak sehingga 300 gantang bagi setiap ekar sawah padi (*The Annual Report of the State Agricultural Officer, Kedah and Perlis from 1<sup>st</sup> April to 31<sup>st</sup> December 1946*). Kesan daripada kemerosotan ini terus berlanjutan hingga tahun 1947 walaupun pentadbiran negeri Perlis pada waktu itu telah berada di bawah pentadbiran pihak British semula. Misalnya, pulangan pengilangan kilang padi Arau daripada 30.11.1947 sehingga 31.12.1947 mencatatkan jumlah padi yang rosak sebanyak 644.32 (*R. C. PS. 334/47*). Perkara ini telah menyebabkan kerugian kepada para petani kerana hampir sebahagian daripada hasil tuaian padi mereka tidak dapat dipasarkan sepenuhnya.

Selain itu, penjajahan ini turut menyebabkan golongan petani Melayu terhimpit dengan kemiskinan dan ada segelintir daripada mereka hilang punca pendapatan. Hal ini demikian kerana, pada masa pendudukan Jepun wujudnya monopoli beras dalam pasaran gelap yang menguasai sektor penanaman padi dan penjualan beras. Situasi ini berlaku ekoran tekanan yang dikenakan terhadap penduduk kerana sebelum kedatangan tentera Jepun, golongan petani bebas untuk memasarkan hasil pertanian mereka mahupun membeli padi-padi yang sudah dituai tanpa sebarang sekatan (Lee Say Lee 1981). Namun, situasi ini berubah apabila pihak Jepun mula memperketatkan undang-undang berkaitan penanaman padi yang menetapkan bahawa segala penghasilan padi haruslah diberikan kepada pihak tentera Jepun dan tiada sebarang jualan padi secara peribadi dibenarkan.

Tekanan dan asakan yang diterima telah mengakibatkan wujudnya ‘pasaran gelap’ yang sangat popular di negeri Perlis dan Kedah pada waktu ini. Pasaran gelap ini telah membuka peluang kepada golongan saudagar padi dan beras mengambil

kesempatan dengan cara mengaut keuntungan sebanyak mungkin melalui penjualan penanaman padi tempatan. Penduduk di negeri Perlis khususnya golongan petani pada masa ini dikatakan tidak mempunyai kesedaran untuk membuat simpanan yang mengakibatkan kehidupan golongan petani pada masa ini semakin teruk sehingga ada dalam kalangan mereka terpaksa mencatu bekalan beras akibat bekalan makanan yang tidak mencukupi. Perkara ini dapat dilihat seperti dalam petikan berikut:

*The people of Perlis should be encouraged to save as much as they could with the purpose of getting rid of the extravagant habit acquired by them during the Japanese Occupation (R. C. PS. 129-1946).*

Kesan daripada kewujudan pasaran gelap semasa zaman pemerintahan tentera Jepun telah membawa suatu fenomena dalam diri masyarakat yang ditindas untuk menerima sahaja keadaan yang berlaku tanpa melakukan sebarang perubahan. Kesan yang terakhir dapat dilihat menerusi pendudukan Jepun di negeri Perlis ialah melalui pelaksanaan sistem “*padi kuncha*”. Sistem padi kuncha merupakan bentuk kredit tradisional yang membolehkan petani memperoleh pinjaman daripada pekedai kampung melalui pembayaran tunai atau pemberian kredit bermusim dan penyediaan keperluan harian mereka untuk keperluan pengguna sebagai balasan janji untuk membayar balik kuantiti tertentu padi semasa musim menuai (Lee Say Lee 1981). Sistem ini telah meninggalkan impak terhadap perjalanan sektor ekonomi penanaman padi dan membebankan golongan petani kerana sistem ini tidak memberikan pulangan yang setimpal dengan tanah sawah yang dikerjakan oleh golongan petani (*R. C. PS. 129-1946*).

Pelaksanaan sistem *padi kuncha* telah mengakibatkan para petani di negeri Perlis dilihat terlalu bergantung kepada orang tengah sehingga menyebabkan golongan ini meraih pendapatan yang sangat lumayan sementara golongan petani masih lagi hidup dalam kemiskinan. Pada tahun 1949, iaitu selepas Jepun menyerah kalah masalah sistem *padi kuncha* ini terus menjadi perkara pokok dalam sektor ekonomi penanaman padi di negeri Perlis. Pihak British yang mentadbir pada waktu itu telah giat menjalankan pelbagai usaha untuk mengatasi masalah ini. Antaranya adalah dengan mengadakan suatu pelaksanaan undang-undang bagi membendung masalah ini: “*The by-law S. C. C. S. were especially designed to combat ‘padi kuncha’*

*by making provision for advances to meet seasonal requirements” (R. C. PS. 129-1946).*

Masalah sistem *padi kuncha* ini telah menyebabkan golongan petani Melayu tidak berjaya meningkatkan status ekonomi masing-masing bahkan pada waktu ini, sektor penanaman padi di negeri Perlis mula didominasi oleh kaum Cina yang banyak membuka kilang-kilang padi dan mengaut keuntungan daripada hasil titik peluh golongan petani Melayu. Status sosioekonomi petani Melayu pada juga dilihat berada pada tahap kemiskinan kerana ramai dalam kalangan mereka tidak menyedari nilai dan kepentingan wang ditambah dengan harga padi yang sangat tinggi pada waktu itu (R. C. PS. 129-1946). Pendudukan tentera Jepun di negeri Perlis jelas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan impak penduduk ini menyumbang kepada kemerosotan dalam sektor ekonomi penanaman padi kerana setiap dasar dan langkah yang dijalankan adalah tidak bersesuaian dengan corak dan budaya hidup masyarakat tempatan.

## KESIMPULAN

Dapat disimpulkan di sini bahawa dinamika atau pembangunan sektor penanaman padi di Perlis menunjukkan corak perkembangan yang berbeza antara dua era iaitu era British dengan era Jepun. Di bawah pentadbiran British, sektor penanaman padi berkembang secara progresif, manakala ketika di bawah pentadbiran tentera Jepun, sektor ini telah mencatatkan kemerosotan yang ketara dari segi hasil pengeluaran dan juga produktiviti. Ringkasnya, disebabkan oleh kehadiran dua kuasa asing tersebut di Perlis, sektor penanaman padi yang sebelum itu dijalankan secara tradisional telah melalui suatu transformasi yang berkesan yang telah membawa sektor ini ke arah pemodenan. Dasar British yang menggalakkan kegiatan pertanian dilakukan dalam skala besar secara tidak langsung telah menyumbang kepada perkembangan sektor ekonomi padi di Perlis iaitu daripada sistem sara diri kepada sistem komersial.

Sektor penanaman padi di Perlis berjaya dikomersialkan ekoran pengenalan pelbagai teknologi baharu dan sistem baharu oleh British yang telah membantu meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras di Perlis. Misalnya British telah membawa masuk jentera-jentera baharu untuk penanaman padi seperti mesin pembajak, mesin tuai padi dan traktor yang menggantikan penggunaan kerbau sebagai salah satu objek kerahan dalam menjalankan penanaman

padi (Tempany et al. 1930). Walaupun kemudiannya telah timbul beberapa masalah seperti isu permit yang membawa kepada isu dominasi atau monopolii peniaga Cina dalam sektor jual beli beras, namun perkara ini masih tidak menjelaskan sumbangan sektor penanaman padi kepada pendapatan negeri Perlis antara tahun 1930 hingga tahun 1941. Hanya masyarakat tempatan iaitu pesawah padi yang terjejas kerana golongan ini tidak mampu untuk mendapatkan permit kerana harga di luar kemampuan mereka.

Namun apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua, pentadbiran negeri Perlis telah diambil oleh tentera Jepun mulai tahun 1941 apabila British gagal mempertahankan Tanah Melayu daripada kemaraan tentera Jepun. Sebelum British berundur keluar dari Tanah Melayu, British telah melancarkan ‘Dasar Bumi Hangus’ iaitu dengan memusnahkan segala yang mungkin berguna kepada Jepun seperti bangunan, barang-barang, sumber asli, sumber ekonomi perlombongan, pertanian dan lain-lain. Menurut Ooi Keat Gin (2012), strategi ketenteraan tersebut dilakukan oleh British adalah untuk menghalang Jepun daripada mengambil alih kegiatan ekonomi perlombongan bijih timah, perladangan getah serta penanaman padi di Tanah Melayu. Bagi kes di Perlis, sektor yang paling terkesan ialah sektor perladangan getah dan penanaman padi. Sehubungan itu, sepanjang tempoh tiga tahun lapan bulan pendudukan Jepun di Perlis, hasil penanaman padi di Perlis telah menunjukkan kemerosotan yang ketara.

Kemerosotan hasil penanaman padi di Perlis bukan semata-mata berpunca daripada ‘Dasar Bumi Hangus’ oleh British, akan tetapi turut disumbangkan juga oleh dasar-dasar tentera Jepun yang terlalu menekan penduduk di negeri Perlis khususnya golongan pesawah. Menurut Lee Say Lee (1981), dasar Jepun yang memusatkan semua sektor ekonomi di bawah kuasa tentera Jepun yang secara tidak langsung telah menjelaskan proses penghasilan padi. Walaupun Jepun ada juga memperkenalkan teknologi baharu kepada sektor penanaman padi, namun dasar ekonomi monopolii oleh Jepun, dasar *Berdikari* dan sistem permit yang lebih ketat berbanding British telah menyebabkan kemerosotan produktiviti dan hasil pengeluaran padi di Perlis. Keadaan ekonomi penanaman padi di negeri Perlis yang merosot dan tidak stabil itu masih berlanjutan selama beberapa tahun dalam era pasca-pendudukan Jepun. Walau dalam tempoh tersebut British telah kembali ke Perlis, masalah kemerosotan tersebut tidak dapat ditangani dengan

segera oleh British. Perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan penduduk di Perlis khususnya golongan pesawah padi terus dibelenggu dalam situasi kemiskinan. Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa sememangnya kedatangan kuasa asing ini telah meninggalkan impak yang besar terhadap sektor ekonomi penanaman padi dan juga terhadap masyarakat tempatan khususnya golongan pesawah di negeri Perlis.

## RUJUKAN

- Abdullah, M.F., Mohd Noor, A., & Mat Enh, A. 2023. Hydrological legacies of colonialism: Examining water systems in Perlis, Malaya (1909–1950). *Journal of International Studies* 19(2): 215-243.
- Ab. Latif Ibrahim. 1991. Tanaman Padi di Negeri Kedah dan Hubungannya dengan Sumber Air: Satu Tinjauan daripada Perspektif Sejarah. *Kajian Malaysia* IX(2): 53-67.
- Adi Haji Taha. 1990. Penemuan Artifak Arkeologi dan Bersejarah di Negeri Perlis Indera Kayangan. *Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis* 2: 1-4.
- Adviser Perlis No. 121-1349. *Report on Padi For the Month of November 1930 in the State of Perlis*.
- Ahmad Ismail dan Yazid Mat. 1992. *Perlis Indera Kayangan Sejarah Pembentukan Negeri Berdaulat*. Perlis: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- B. A. PS. 2-1949, Campaign to save 10% of rayaats proceeds in the Post Office Savings Bank from sale of padi for season 1948-49.
- Chandran, J. 1971. Perjanjian 1909 antara Inggeris dengan Siam serta latar belakangnya. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 1: 4-13.
- D.I.D K/P 83/60, *Land (Group Settlement Areas) Act*. D&IE. Ps. 32/52a, *Layout of Simpang Ampat Village*.
- D&IE. Ps. 32/52b, *Note on Petition to H. E. the High Commisioner from Certain Inhabitants of Simpang Ampat*. Julie Su Chin Tang. 2002. *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*. Kuala Lumpur: MBRAS Monograph. No. 32.
- Hill, R.D. 2012. *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*. Singapore: NUS Press Pte Ltd.
- Jabil Mapjabil, Nooriah Yusof & Ahmad Tharmizie Mat Jusoh. 2010. Transformasi Ekonomi di Negeri Kedah: Perspektif Historikal. *Prosiding PERKEM V*, hlm. 2171-181.
- Khairool Anuar Haji Hashim. 2014. Menyelusuri Sejarah Pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadan Perlis 1982-2000. *Prosiding Seminar Institusi Raja (Siraj III): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis*, hlm. 131-142.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 2009. British Colonial Rule, Japanese Occupation, and the Transformation of Malay Kingship 1930s-1957. *New Zealand Journal of Asian Studies* 11(1): 116-136.
- Kratoska, Paul H. 2000. The Japanese Occupation of Malaya: Questions and Some Answers. Dlm. Mahani Musa dan Tan Liok Ee (pnyt.). *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Lee Say Lee. 1981. A Study of the Rice Trade in Kedah Before and During the Japanese Occupation. *Malaysia in History (MIH)* 24: 109-116.
- Mohd Azlan Abdullah, Rosmiza Mohd Zainol, Rosniza Aznie Che Rose, Amriah Buang. 2009. Mengungkap Kelestarian Pertanian Kecil Melayu Pada Zaman Penjajahan British. *Malaysian Journal of Society and Space* 5(3): 76-87.
- Mohd Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohd Radzi Abd Hamid. 2009. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathan, J.E. 1922. *The Census of British Malaya (the Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, and Brunei)*, 1921. Cornell: Waterlow.
- Ong Siow Ling. 1988. *Masalah-masalah Pesawah Padi di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ooi Keat Gin. 2012. *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. *Perlis Annual Report 1935-1936*.
- Perlis Annual Report 1937*.
- Perlis Annual Report 1938*.
- Perlis Annual Report 1939*.
- R. C. PS. 46-1947, *Advances, Purchase of Padi- Below the Line Account*.
- R. C. PS. 113-1947, *List of Licensed Padi Purchasers, Sub-Agents, of the Hock Bean Bee Rice Mills, Arau & Kuala Perlis 1947*.
- R. C. PS. 117-1947, *Applications to move Padi Within State of Perlis*.
- R. C. PS. 129-1946, *Savings Deposits in Rural C-op Societies, Perlis*.
- R. C. PS. 321/47, *Transfer of Short-Term Food Production Organisation to the Responsibility of Director of Agriculture and Directions to Departments Concerned Accordingly*.
- R. C. PS. 334/47, *Statement of Padi Received into Rice Mills Anak Bukit and Arau*.
- R. C. PS. 363/47, *Commencing Date for the Period of Japanese Occupation*.
- R. C. PS. 371/47, *Transfer of Shorterm Food Production Organisation to the Responsible of Director of Agriculture and Directions to Department Concerned Accordingly*.
- Rejab F.I. 1992. Adat Bersawah di Perlis. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 4.
- Rusaidi Ramli. t.t. *Adat Persawahan Padi Secara Tradisional di Negeri Perlis*. Perlis: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Ruslan Zainuddin. 2003. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Salim Nabijan. 1979. Sejarah Pembinaan Keretapi Negeri Kedah. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 9: 109-127.
- Shukor Mat. 2007. Kepentingan Jalan Air dan Peranan Arau Sebagai Pusat Perdagangan Utama Perlis Pada Masa Lampau. *Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis XIX*: 1-4.
- S. S. PS. 232-48, *Question Regarding Education of Malay Children and Loan to Padi Planters*.
- SUK Kedah 770/2487. *Proclamation by Military Headquaters of Supreme Command in the matter of the Administration of the States of Syburi (Kedah), Perlis, Kelantan and Trengganu*.

SUK. 2602/2603. Bil Fail 514/02.

Syed Mohd Hilmi. 2017. Perusahaan Penanaman Padi di Perlis Tahun 1930-1940. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Univerisiti Pendidikan Sultan Idris.

Wan Nurjanatul Za'imah Wan Mohamad Khairuddin Azaki  
No. 108, Lorong Sri Inai, Kampung Jejawi Dalam  
01000 Kangar, Perlis, Malaysia  
E-mel: Wjanatul@gmail.com

Norasmahani Hussain (Corresponding author)  
Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, 11800, USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
E-mel: norasmahani@usm.my\_

- Tempany, H.A. et al. 1930. Mechanised Rice Cultivation in Southern Siam. *The Malayan Agricultural Journal (TMAJ)*: 583-586.
- The Annual Report of The State Agricultural Officer, Kedah and Perlis.* (1946). From 1<sup>st</sup> April to 31<sup>st</sup> December.
- Yazid Mat. 2014. *Perlis: Dari Jajahan Takluk ke Negeri Berdaulat.* Perlis: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perlis.
- Yazid Mat. 1991. Sumber-sumber Tempatan Sejarah Ekonomi Pra British Bab III. *Jurnal Warisan Indera Kayangan (JWIK)* 4: 18-25.
- Yoshikazu, Hayao Fukui dan Yamada, Isama. 1978. Ecology of Traditional Farming in West Malaysia. *South East Asian Studies (SEAS)* 16(2): 309-334.
- Yoshimura Mako. 2008. Japan's Economic Policy for Occupied Malaya. Dlm Yoji Akashi & Yoshimura Mako (pnyt.). *New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore 1941-1945.* Singapore: NUS Press.